

Kuala Lumpur: Deposit 'lebur' impian memiliki rumah musnah. Itu situasi dilalui seorang wanita apabila keputusannya membuat pembelian rumah secara dalam talian memakan diri apabila terpaksa menanggung kerugian lebih RM50,000 selepas ditipu ejen hartanah.

Lebih memilukan, impian wanita yang dikenali Haslina berusia 45 tahun itu untuk memiliki rumah dalam masa terdekat turut musnah kerana dia tiada lagi wang simpanan kerana semuanya sudah diberikan kepada ejen terbabit.

Menceritakan kejadian malang itu, wanita berkenaan terdesak untuk memiliki rumah memandangkan usianya sudah menjangkau 40-an sekali gus sukar untuk membuat pinjaman perumahan.

"Sebelum ini, wang gaji saya tidak mencukupi untuk membeli rumah memandangkan harga

Rugi RM50,000 ditipu ejen hartanah



di sekitar Kuala Lumpur melebihi RM400,000.

"Oleh itu, ketika berusia 45 tahun saya berkesempatan berbuat demikian kerana sudah dinaikkan pangkat selain gaji juga banyak dan tidak terasa beban untuk membayar ansuran bulanan," katanya yang bekerja sebagai

pegawai perakaunan di syarikat swasta.

Ibu kepada empat anak itu berkata, dia sentiasa melayari laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan menjual hartanah selain turut melihat di laman sembang seperti Facebook dan Twitter.

"Saya tertarik dengan iklan kondominium yang bakal dibina di Kajang yang harganya hanya RM350,000, namun mempunyai empat bilik selain beberapa kemudahan lain.

"Saya terus menghubungi ejen hartanah terbabit dan menetapkan janji temu bagi

mendapatkan maklumat lebih berkaitan rumah berkenaan," katanya.

Haslina berkata, dia berjumpa ejen hartanah yang dikenali Wendy di sebuah restoran di Cheras awal Disember lalu bagi membincangkan perkara berkenaan.

"Wendy memberitahu rumah berkenaan dilengkapi perabot dan kabinet dapur selain turut mempunyai penghawa dingin di setiap bilik.

"Namun, jika saya mahukan rumah berkenaan sebaiknya meletakkan deposit tinggi kerana jika dikira kepada umur kemungkinan perlu membayar bulanan mencecah RM3,000 sebulan," katanya.

Menurutnya, termakan dengan tawaran dan tarikan yang ada pada rumah berkenaan saya tanpa berfikir panjang dan berbincang dengan ahli keluarga lain

terus bersetuju untuk membeli kediaman terbabit.

"Saya terus mengeluarkan simpanan di akaun Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang disimpan sejak 20 tahun lalu untuk membayar deposit kepada ejen berkenaan.

"Pembayaran dilakukan di pejabatnya di Bandar Mahkota Cheras, dan pada masa sama ada beberapa borang yang perlu ditandatangani.

"Wendy turut memaklumkan pihaknya akan menelefon saya dalam tempoh sebulan bagi proses guaman dan pinjaman perumahan terbabit yang akan diuruskan sepenuhnya oleh pihaknya," katanya.

Namun, Haslina sebenarnya sudah masuk ke perangkap ejen berkenaan apabila sehingga kini dia tidak dihubungi ejen terbabit.